

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)[OLIMPIK 2020](#)[NASIONAL](#) [KES](#) [POLITIK](#) [PENDIDIKAN](#) [WILAYAH](#)

CUEPACS syor sistem gaji selesa, adil

Rafidah Mat Ruzki - Oktober 21, 2021 @ 3:28pm

fidahruzki@bh.com.my



- Hiasan. FOTO NSTP

PUTRAJAYA: Kajian bagi menentukan struktur baharu saraan perkhidmatan awam bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) perlu mengambil kira elemen gaji minimum yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata pihaknya berharap kajian itu juga mengambil kira terma gaji yang selesa dan perbelanjaan yang adil.

"Ia bagi membolehkan apabila gaji penjawat awam dinaikkan, kita memiliki lebih kuasa untuk berbelanja, namun harga barang juga perlu dikawal supaya tidak naik dengan lebih tinggi.

"Menteri juga perlu melihat pendapatan pada garis kemiskinan. Ketika ini, gaji minimum untuk penjawat awam adalah RM1,200 dan selepas dicampur segala elauan tetap, ia boleh mencecah RM1,900.

"Namun, ia masih rendah berbanding garis kemiskinan yang pada paras RM2,280," katanya kepada BH, hari ini.

Adnan juga berkata, bagi memastikan gaji penjawat awam tidak berada di bawah garis kemiskinan, pihaknya mencadangkan supaya gaji minimum itu dinaikkan hingga ke RM1,800.

Selain itu, katanya, CUEPACS ada mencadangkan supaya kenaikan gaji tahunan diubah daripada serendah RM80 setahun kepada serendah RM120, bergantung kepada gred penjawat awam terbabit.

Beliau berkata, struktur baharu saraan perkhidmatan awam penting dalam mencapai hasrat kerajaan untuk meningkatkan tahap pendapatan isi rumah di negara ini sebanyak RM10,000 sebulan menjelang 2025.

"Sekiranya pendapatan bulanan untuk setiap empat ahli keluarga serumah pada purata RM2,500, sudah tentu struktur ini munasabah untuk memacu ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2025.

"Namun, ketika ini kenaikan gaji tahunan sangat rendah iaitu RM80 dan ini tidak setara dengan perbelanjaan bulanan atau harga barang di pasaran. Kita dapati harga barang naik lebih pantas berbanding dengan kenaikan gaji tahunan penjawat awam," katanya.